



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (Malaysia Security Industry Association)

Nombor Pendaftaran: PPM-002-10-11031980 / www.pikm.my

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH
BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU
SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
DSP (K) HAJAH AINI SURAYA BINTI DATUK
OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
DSP (K) ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK
HJ. ISHAK
DATUK ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K. SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
HJ. ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN
ABD RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
HJ. CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK
ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(37)

18 SEPTEMBER 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE- 37/2026: PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN TAHUN 2027

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan urusan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2027 dilaksanakan **mulai 28 September 2026 sehingga 31 Disember 2026**. Permohonan yang diterima selepas 31 Disember 2026 tidak akan diproses dan syarikat boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen.

3. Syarikat diminta untuk mematuhi garis panduan dan senarai semak bagi pembaharuan lesen tahun 2027 seperti yang ditetapkan melalui surat KDN bertarikh 11 September 2026, rujukan KDN.K.S.700-3/1/8 Jld. 41 (2) seperti di lampiran.

4. Sila ambil maklum bahawa tempoh sah laku lesen dan kadar fi pembaharuan lesen agensi persendirian masih tertakluk kepada semakan Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap Kaedah-Kaedah berkaitan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 [Akta 27]. Kaedah-Kaedah tersebut dijangka berkuat kuasa pada 19 November 2026. Sehubungan itu, ketetapan mengenai tempoh sah laku lesen dan kadar fi yang akan dikenakan akan dimaklumkan oleh KDN kepada syarikat kemudian. Kerjasama dan kesabaran pihak syarikat dalam perkara ini amat dihargai.

5. Bagi urusan penyerahan dan pemeriksaan dokumen pembaharuan lesen, KDN akan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan mulai 28 September 2026 mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Syarikat hendaklah mendapatkan janji temu terlebih dahulu melalui Sistem Elektronik Industri Keselamatan (eSIMS) sebelum hadir pada Hari Bertemu Pelanggan.

6. Untuk makluman, sistem janji temu melalui eSIMS akan dibuka mulai 21 September 2026 bagi membolehkan syarikat membuat tempahan slot lebih awal. Walau bagaimanapun, Hari Bertemu Pelanggan hanya akan bermula pada 28 September 2026 mengikut tarikh dan slot janji temu yang telah ditetapkan.

7. Syarikat juga boleh menyerahkan dokumen pembaharuan lesen di Kaunter Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Bahagian K), Aras 10, Blok Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, namun dokumen tersebut tidak akan disemak pada hari yang sama.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, sweeping loop followed by a smaller, more intricate flourish.

KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT

b.p. Presiden



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
ARAS 9 & 10, SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1763/1751
Web : www.moha.gov.my

Ruj. Kami : KDN.K.S.700-3/1/8 Jld. 41 (2)
Tarikh : // September 2026

YBhg. Datuk Ubaidillah bin Iman
Presiden
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7
Kelana Business Centre
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301, Petaling Jaya
SELANGOR

No Faks : 03-7803 8691 / 7886

YBhg. Datuk,

PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN UNTUK TAHUN 2027

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk sedia maklum, lesen Agensi Persendirian syarikat kawalan keselamatan wajib diperbaharui pada setiap tahun sebelum 31 Disember mengikut peruntukan Seksyen 3 (4), di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Oleh yang demikian, proses permohonan pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2027 akan mula dilaksanakan pada **28 September 2026 sehingga 31 Disember 2026**. Permohonan pembaharuan lesen yang **diterima selepas tarikh 31 Disember 2026 tidak akan diproses dan syarikat boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen.**

3. Sebagai langkah membantu pihak syarikat memperbaharui lesen masing-masing, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan** yang dikhaskan kepada syarikat mengikut jadual yang telah ditetapkan untuk mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan lesen bagi tujuan pemeriksaan dokumen lengkap. Pihak syarikat juga boleh menyerahkan dokumen pembaharuan lesen Agensi Persendirian di Bahagian Keselamatan dan Keselamatan Awam (Bahagian K), Aras 10, Blok Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa selain pada hari bertemu pelanggan. Walau bagaimanapun, serahan dokumen di kaunter Bahagian K tidak akan disemak pada hari yang sama dan akan menyebabkan kelewatan memproses permohonan pembaharuan lesen syarikat.

4. Jadual Hari Bertemu Pelanggan adalah seperti di **Lampiran A**. Pihak syarikat hendaklah mendapatkan janji temu terlebih dahulu melalui Sistem Elektronik Industri Keselamatan (eSIMS), sebagaimana pelaksanaan proses pembaharuan lesen pada tahun 2026. Kehadiran syarikat hendaklah berdasarkan tarikh dan masa janji temu yang diperoleh melalui sistem eSIMS.

5. Syarikat diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang lengkap seperti yang dimaklumkan dalam sistem eSIMS. **Kegagalan pihak syarikat mematuhi syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan lesen syarikat tidak diproses dan tidak diperbaharui. Garis Panduan dan Senarai Semak Pembaharuan Lesen bagi Tahun 2027** adalah seperti di **Lampiran B**.

6. Sehubungan itu, dimohon Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) untuk memaklumkan kepada semua syarikat kawalan keselamatan supaya mendapatkan janji temu melalui sistem eSIMS dan mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan lesen yang lengkap mengikut tarikh dan masa janji temu serta panduan yang telah ditetapkan dalam eSIMS.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU (K)

YBrs. SUB (IT)

YBrs. TSUB (K) III

KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

**JADUAL HARI BERTEMU PELANGGAN BAGI
PEMBAHARUAN LESEN AGENSI 2027
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SESI	TARIKH	WAKTU
1.	28.9.2026 hingga 2.10.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
2.	12.10.2026 hingga 16.10.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
3.	26.10.2026 hingga 30.10.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
4.	9.11.2026 hingga 13.11.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
5.	23.11.2026 hingga 27.11.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
6.	7.12.2026 hingga 11.12.2026	8.00 pagi – 5.00 petang
7.	14.12.2026 hingga 18.12.2026	8.00 pagi – 5.00 petang

**GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI
TAHUN 2027**

1. **Setiap syarikat perlu mengemaskini dan menghantar maklumat-maklumat pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2027 secara dalam talian** melalui eSIMS di pautan (<http://www.esims.moha.gov.my/>).
2. Dokumen pembaharuan lesen Agensi Persendirian yang telah lengkap perlu disimpan di dalam **pendrive** dalam bentuk PDF dan *hardcopy* perlu dikemukakan pada **Hari Bertemu Pelanggan (seperti di Lampiran A)** atau di Kaunter Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam dalam **tempoh 3 bulan bermula 28 September hingga 18 Disember 2026**. Permohonan pembaharuan lesen yang diterima selepas tarikh tutup 31 Disember 2026 akan menyebabkan kelewatan dalam proses pembaharuan dan pengeluaran lesen.
3. Senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2027 yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat **hendaklah dikembalikan** bersama dokumen-dokumen di Para 2.
4. Syarikat dikehendaki **melengkapkan maklumat pengawal keselamatan Nepal yang digajikan oleh pihak syarikat di dalam eSIMS** tanpa gagal. Kegagalan berbuat demikian boleh melambatkan proses pembaharuan lesen.
5. Syarikat yang memiliki **lesen 2(b)** dikehendaki **melengkapkan maklumat penyiasat persendirian** di dalam eSIMS.
6. Diingatkan bahawa semakan dokumen akan dilaksanakan pada Hari Bertemu Pelanggan sahaja. Sehubungan itu, syarikat digalakkan membuat **janji temu secara dalam talian** melalui modul **Janji Temu** di sistem eSIMS sebelum hadir ke kaunter untuk mengelakkan kesesakan.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2027

1. SIJIL / BORANG

BIL.	JENIS-JENIS SIJIL / BORANG	CATATAN	LABEL
1.1	Pengesahan <i>online</i> pembaharuan lesen (Tahun 2027) ditandatangani oleh pengarah	<i>Hardcopy</i>	-
1.2	Sijil Insolvensi (bermula September 2026)	<i>Soft copy</i>	1
1.3	Sijil Korporat Info SSM lengkap (bermula September 2026)	<i>Soft copy</i>	2
1.4	Aku Janji Anti Rasuah	<i>Hardcopy</i>	-

2. MAKLUMAT SYARIKAT – *SOFT COPY* (Sekiranya Berkaitan)

BIL.	MAKLUMAT SYARIKAT	CATATAN	LABEL
2.1	Salinan Lesen Senjata Api (Pemegang Lesen A)	<i>Soft copy</i>	3

3. SALINAN BAYARAN SYARIKAT – *SOFT COPY*

BIL.	JENIS-JENIS BAYARAN	CATATAN	LABEL
3.1	Resit Rasmi & Penyata bayaran KWSP Borang A (Januari – Julai 2026)	<i>Soft copy</i>	5
3.2	Resit Rasmi & Penyata bayaran PERKESO (Januari – Julai 2026)	<i>Soft copy</i>	6
3.3	Pengesahan bayaran cukai pendapatan syarikat (SST) (Tahun 2026)	<i>Soft copy</i>	7
3.4	Penyata bayaran levi PSMB (Tahun 2026)	<i>Soft copy</i>	8
3.5	Penyata kewangan beraudit/Surat pengesahan dari Auditor (Tahun 2025)	<i>Soft copy</i>	9
3.6	Polisi Insurans (tempoh polisi yang masih sah)	<i>Soft copy</i>	10
	i) <i>Professional Indemnity</i>		
	ii) <i>Public Liability</i>		
	iii) <i>Group Personal Accident</i>		
3.7	Penyata kewangan bank syarikat (1 Bulan terkini)	<i>Soft copy</i>	11

4. KUOTA LATIHAN CSG & TNG – *SOFT COPY*

BIL.	Baki jumlah pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri latihan (CSG) pada tahun 2026	CATATAN	LABEL
4.1	Salinan resit bayaran pendaftaran CSG 2026	<i>Soft copy</i>	12
	Baki jumlah pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri latihan (TNG) pada tahun 2026	CATATAN	LABEL
4.2	Salinan resit bayaran pendaftaran TNG 2026	<i>Soft copy</i>	13

NOTA:

- (i) Sila kembalikan senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2027 ini yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat.
- (ii) Sila pastikan syarikat tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran cukai perkhidmatan (SST) dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mengelakkan urusan pembaharuan lesen tertangguh.
- (iii) Sila bawa bersama **COP SYARIKAT** yang mempunyai alamat penuh Ibu Pejabat.

PERAKUAN / PENGESAHAN OLEH PEMEGANG SAHAM / AHLI LEMBAGA PENGARAH

Sesungguhnya saya / kami mengaku bahawa maklumat-maklumat yang dikemukakan adalah **sah dan benar**. Saya / kami menyedari sekiranya ianya tidak benar, maka Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhak mengambil apa-apa tindakan iaitu **tidak memperbaharui lesen atau membatalkan lesen** syarikat agensi persendirian di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

.....

Nama :
 Kad Pengenalan :
 Jawatan :
 Cop Syarikat :

COP ALAMAT SYARIKAT



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SURAT AKUAN SYARIKAT ANTI RASUAH

1. Saya,..... No. Kad Pengenalan yang mewakili nombor pendaftaran adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:
 - i. Tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana- mana pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses permohonan lesen Agensi Persendirian/ Pembaharuan Lesen Agensi Persendirian;
 - ii. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Kementerian Dalam Negeri atau mana-mana orang lain bagi apa-apa tujuan yang melibatkan syarikat; dan
 - iii. Tidak akan bersebut dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses permohonan lesen Agensi Persendirian/ Pembaharuan Lesen Agensi Persendirian dijalankan.
2. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan:

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :